



buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



R.E.A.D
Rangkul dua anugerah

MAJLIS
APRESIASI
2022

MAC
2022



ISSN 1985 - 7624
9771985762005

SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG

Puan Rohana binti Ismail

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli

Encik Mazli bin Che Mamat

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mazli bin Che Mamat

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam

Terengganu

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-622 1100

09-622 0052

Fax : 09-622 1534

E-mel : ppat@trglib.gov.my

URL : <https://www.trglib.gov.my>



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



@PPATerengganu



PPATT TV

© 2022 Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangkaun, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)



Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Perpustakaan Se-Malaysia 2022 yang bermula pada 29 - 31 Mac 2022 telah berlangsung di Royale Chulan, Seremban Negeri Sembilan anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) turut menyertai Konvensyen KIK pada edisi kali ini melalui Kumpulan R. E. A. D yang dianggotai seramai 8 orang ahli.

Kumpulan ini diketuai oleh En. Mohd Shukor bin Salleh dan En. Mohd. Rijaluddin bin Muda selaku fasilitator telah merangkul Anugerah Khas Juri Kategori Dokumentasi Terbaik dan Tempat Ketiga Kategori Penambahbaikan.

Anugerah ini juga turut didedikasikan kepada Allahyarham En. Shazwan bin Sarif yang merupakan ahli kumpulan R.E.A.D. yang telah kembali keramatullah pada 19 Ogos 2020.

Sekalung tahniah diucapkan kepada kumpulan R.E.A.D. Pihak Perbadanan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dan menyokong kumpulan R.E.A.D.



LATAR BELAKANG PENGHASILAN PROJEK KIK “EZY CUBE”

Projek ‘EZY CUBE’ merupakan cetusan daripada aduan yang diterima daripada kakitangan yang bertugas di Perpustakaan Awam Daerah, Perpustakaan Awam Pekan dan Perpustakaan Desa berkaitan dengan permasalahan yang dialami oleh kakitangan ketika proses kerja pemasangan pentas dan persiapan tempat untuk program dan pameran promosi jabatan. Rentetan daripada aduan yang diterima, isu ini telah dicadangkan oleh ahli Kumpulan R.E.A.D. untuk diselesaikan melalui penghasilan inovasi penambahbaikan kepada produk sedia ada.

Sepanjang penglibatan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) di dalam program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan jemputan daripada pelbagai agensi kerajaan serta agensi swasta yang lain, terdapat beberapa permasalahan yang timbul semasa kerja-kerja persiapan tempat dan pemasangan pentas pameran terutamanya di Perpustakaan Awam Daerah. Antara permasalahan yang dikenal pasti adalah kekurangan tenaga kerja memandangkan kebanyakkan kakitangan di Perpustakaan Awam Daerah adalah kakitangan wanita dan kakitangan yang telah berusia yang mana tidak mampu untuk mengendalikan peralatan yang berat dan besar seperti pentas yang beratnya 41.5 kg/unit. Saiz pentas yang besar dengan keluasan 6 kaki x 6 kaki setiap unit memerlukan sekurang-kurangnya 4 orang kakitangan untuk mengangkat pentas dari ruang penyimpanan ke lokasi program.

Selain itu, dengan saiznya yang agak besar, ia memerlukan ruang penyimpanan yang sangat luas dan jabatan juga terpaksa menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi kerana pentas sedia ada sering rosak kerana kerap digunakan di Perpustakaan Awam Daerah dan Perpustakaan Desa di seluruh Negeri Terengganu. Pentas tersebut juga mudah rosak akibat terdedah pada cuaca hujan dan panas yang tidak menentu di tapak program.



Bagi mengatasi segala permasalahan yang timbul setiap kali berlangsungnya program dan pameran, kumpulan R.E.A.D. telah berjaya menghasilkan satu inovasi yang dinamakan ‘Ezy Cube’. ‘Ezy Cube’ merupakan inovasi penambahbaikan kepada pentas yang sedia ada dengan menggantikannya daripada penggunaan kayu yang besar dan berat kepada material yang lebih ringan, berkualiti tinggi serta tahan lasak. Ianya dihasilkan daripada 90% gentian kaca, 5% aluminium, 4% PVC ‘honeycomb’, 1% pasir dan beratnya adalah sebanyak 19.5 kg/unit.

‘Ezy Cube’ ini mampu memberikan kemudahan kepada kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) mahupun agensi lain untuk menyiapkan kerja-kerja persiapan tempat program dan pameran tanpa memerlukan tenaga kerja yang ramai dan sekaligus menjimatkan tenaga, masa dan kos pengendalian serta kos penyelenggaraan yang minima. Secara amnya, ‘Ezy Cube’ yang dihasilkan mampu memberi impak positif terhadap perkembangan industri pembuatan berasaskan gentian kaca yang sebelum ini hanya didominasi oleh industri pembuatan bot tetapi boleh dikembangkan lagi kepada pembuatan produk-produk lain seperti perabot dan sebagainya.

**EZY
CUBE**

i

Sambutan Hari Wanita wajib dilaksanakan pada 8 Mac setiap tahun di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi menghargai dan mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita.

Anugerah Pekerja **Cemerlang Bulanan** **MAC 2022**



NAJAYATI BINTI MOHD

PEMBANTU PUSTAKAWAN S22
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN
DAN MAKLUMAT



MAZIAH BINTI AWANG

PEMBANTU PUSTAKAWAN S22
BAHAGIAN PENGURUSAN
DAN PEMBANGUNAN KOLEKSI



Majlis Apresiasi Warga Kerja PPAT 2022

Kuala Terengganu, 3 Mac 2022 (Khamis) - Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu telah berjaya mengadakan Majlis Apresiasi Warga Kerja PPAT 2022 serta Pelancaran Pelan Strategik PPAT Tahun 2021-2025 dan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah PPAT secara serentak di Dewan Serbaguna, PPAT.

Turut hadir adalah YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Terengganu bagi meraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan kakitangan yang bersara. Majlis ini diadakan bagi memberi apresiasi kepada pegawai dan kakitangan yang cemerlang tahun 2021 serta pesara.

Sekalung tahniah diucapkan kepada para penerima anugerah. Semoga Majlis Apresiasi ini dapat menjadi pemangkin kepada kecemerlangan dan kejayaan pada masa akan datang.

ULASAN BUKU

Memoir COVID-19

Nama Penulis: Hariza Mohd Yusof

Penerbit: Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit USIM,
Universiti Sains Islam Malaysia

No. ISBN: 9789674409159

Call Number: 808.882 MEM

Diabetes:

merungkai masalah lazim bersama pakar-pakar perubatan

Nama Penulis: Sharifah Majedah Idrus Alhabshi

Penerbit: Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

No. ISBN: 9789672512318

Call Number: 616.462 DIA

Supercharge your brain:

how to maintain a healthy brain throughout your life

Nama Penulis: James Goodwin

Penerbit: Bantam Press, an imprint of
Transworld Publishers

No. ISBN: 9781787633186

Call Number: 612.82 GOO

PENULIS TERENGGANU

WAN AHMAD ISMAIL



MAKLUMAT DIRI

- WAN AHMAD BIN WAN ISMAIL
- DILAHIRKAN PADA 29 JULAI 1950
- BERASAL DARI KAMPUNG PULAU DUYONG KECIL
KUALA TERENGGANU

KARYA YANG DIHASILKAN

- * BAJU MERAH
- * TARBIYAH
- * MALAYA HOTEL
- * CIKYAH INANG RODAT
- * MAWAR BERDURI HARUM KASTURI
- * BIRAI PINGGIR
- * TULANG BELAKANG AKAR UMBI
- * DARI PULAU KE PENTAS
- * TOK KETUA
- * TUKANG TILIK
- * GADIS PULAU
- * PINANG MERAH
- * ALAHAI SAKITNYA ALAHAI
- * DAN SEBAGAINYA

ANUGERAH

- * TOKOH BAHASA DBP 2005 BAGI NEGERI
TERENGGANU
- * SASTERA HARAPAN NEGERI TERENGGANU
(HASDI III) (2017)
- * ANUGERAH BUDAYA OLEH KERAJAAN
NEGERI TERENGGANU (1992/1993)
- * HADIAH PENGHARGAAN DRAMA PENTAS
ESSO-GAPENA
- * SAGUHATI HADIAH PERADUAN SAJAK PERSATUAN
SASTERAWAN TERENGGANU (PELITA)
- * HADIAH SASTERA PERDANA MALAYSIA KE-19
- * DAN SEBAGAINYA



SOROTAN

PROGRAM BICARA KARYA

Program Bicara Karya : Keseronokan Bekerja Milik Siapa? yang dianjurkan oleh Perpustakaan Awam Negeri Terengganu melalui Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan Dan Maklumat telah diadakan pada 8.3.2022. Program ini telah menjemput penulis buku tersebut iaitu Dr. Hajah Fauziah Binti Jaafar. Beliau merupakan seorang penulis buku yang aktif dalam menghasilkan karya-karya dan program yang berbentuk pendidikan. Program ini diadakan secara maya melalui saluran Facebook (live) Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. Fokus utama program ini antaranya adalah untuk mempromosikan penerbitan buku dan penulis tempatan.



PROGRAM WACANA SEJARAH

Program Wacana Sejarah: Batu Bersurat Terengganu telah diadakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang sejarah kewujudan Batu Bersurat Terengganu agar penghayatan sejarah tempatan tidak dilupakan. Program ini diadakan secara hybrid iaitu fizikal dan maya dan disiarkan melalui saluran Facebook (live) Perpustakaan Awam Negeri Terengganu pada 14 Mac 2022. Bersama panel jemputan iaitu Haji Mohamed Jusoh (Bekas Pengarang Utusan Zaman, Utusan Melayu (M) Berhad, Ketua Utusan Pantai Timur dan Ketua Pengarang Warta Darul Iman) dan moderator Encik Alias bin Ismail (Pembimbing Pakar Peningkatan Akademik Sekolah (PPPAS) Bahasa, Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu)

SAMBUTAN HARI U-PUSTAKA 2022

PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu telah mengadakan Sambutan Hari u-Pustaka pada 31 Mac 2022, jam 10.00 pagi-1.00 petang sempena ulangtahun u-Pustaka kali ke-11 di Ruang Legar, PPAT. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti taklimat dan tayangan video u-pustaka, pameran u-Pustaka, pertandingan jejak maklumat, kuiz u-Pustaka dan teka silangkata u-Pustaka. Sambutan ini turut dimeriahkan dengan kehadiran pelajar-pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



BENGKEL OOKBEE@PPAT

Latihan Pangkalan Data Ookbee Buffet @ PPAT telah diadakan pada 9 Mac 2022 di Bilik Multimedia, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. Latihan ini telah diberi tunjuk ajar oleh En. Muhammad Nabeel bin Ismay dari Ookbee Buffet Malaysia. Pangkalan Data Ookbee Buffet merupakan salah satu pangkalan data yang terdapat didalam portal u-Pustaka. Pangkalan data ini mengandungi bahan-bahan seperti buku, majalah dan akhbar. Buku-buku bacaan santai dan menarik seperti novel, buku masakan, buku agama, komik turut tersedia. Terdapat lebih 20 penerbit tempatan dan 3,000 naskhah bahan di dalam Bahasa Melayu di dalam pangkalan data ini. Pengguna boleh muat turun aplikasi pangkalan data ini, 'ookbee buffet@PNM' di dalam Google Play atau Apps Store untuk membaca bahan-bahan di pangkalan data ini.

SOROTAN

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu telah menjalin kerjasama dengan pihak Pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu untuk membolehkan para Ahli Dewan Undangan Negeri mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan pantas.

Bagi memperkuatkukuhkan hubungan kerjasama ini satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah dimeterai bagi tujuan perkongsian sumber ilmu dan maklumat. Majlis ini telah berlangsung pada 6 Mac 2022 (Ahad) bertempat di Dewan Serbaguna, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. Upacara menandatangani MOU telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Yahaya bin Ali, Yang di- Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, Y.B Ustaz Ridzuan bin Hashim, (Pengerusi PPAT), dan Puan Norliza binti Ismail, (Pengarah PPAT).

Melalui perkongsian ilmu ini, secara tidak langsung akan dapat membantu perpustakaan memperluaskan peranan secara lebih strategik bagi menjadikan PPAT Digital sebagai pusat rujukan digital yang dinamik dan komprehensif.



SOROTAN

JASS CYCLES

START X FINISH



Pada 12 Mac 2022, Kelab Yayasan Terengganu telah menganjurkan Program *Fun Ride* Jubli Emas 50 Tahun Yayasan Terengganu. Kelab Sukan PPAT (PERPAT) telah menghantar seramai 6 orang wakil iaitu En. Faizurudin bin Mat Nor @ Idris, En. Mohamad Zainal bin Mohd Hassan, En. Hamzi bin Zainal, En. Che Mohd Asri bin Che Mahmud, En. Mohd Izuan bin Sulong dan En. Amirul Hisham bin Mohd Hanafi Roslie. Program ini bermula pada jam 7.00 pagi di Dataran Batu Buruk, Kuala Terengganu yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Mulia, Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Terengganu.



TAHUKAH
ANDA ?

Basikal pada awalnya telah dicipta di Eropah pada abad ke-19 iaitu orang yang dikatakan paling awal mencipta basikal ialah Von Drais pada tahun 1817 dan kemudian basikal tersebut di patentkan pada tahun 1818. Namun ada teori yang mengatakan bahawa basikal telah di reka bentuk pada seawal tahun 1493 lagi iaitu oleh Giacomo Caprotti. Teori ini telah dibuktikan dengan terjumpanya gambar atau lakaran basikal yang dibuat oleh Giacomo Caprotti. Tak kira siapa yang paling awal mencipta basikal, ia telah menjadi sebuah kendaraan yang sangat popular di mana-mana negara pun.



SOROTAN

PASAR BUKU LESTARI BESUT 2022

Perpustakaan Awam Daerah Besut dengan kerjasama Ahli Parlimen Besut, Dr. Riduan bin Mohamad Nor telah menganjurkan satu program iaitu Pasar Buku Lestari Besut 2022. Program ini berlangsung selama 3 hari bermula pada 29 Mac 2022 hingga 31 Mac 2022.

Program ini telah dirasmikan oleh Y. B. Ustaz Ridzuan bin Hashim, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah Dan Penerangan merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

Pelbagai acara menarik diadakan sepanjang program berlangsung. Antara program utama ialah Sesi Bedah Buku. Sesi Bedah buku ini melibatkan 3 buah buku iaitu "Surah Al- Saff" oleh Y.B Ustaz Ridzuan bin Hashim sendiri, Buku "Orang Terengganu" yang disampaikan oleh Dr. Norma Mohamad dan Buku "Tok Guru Nik Aziz : Pemimpin, Murabbi dan Ideologi yang disampaikan oleh Dr. Mohd Fadli bin Ghani.

Selain daripada Bedah Buku, terdapat aktiviti lain yang diadakan iaitu Forum Anti Dadah bersama Pegawai Anti Dadah Kebangsaan Besut, Puan Noor Hafizza binti Mat Zin dan selebriti jemputan, Zua XPDC. Pertandingan Mewarna juga diadakan melibatkan pelajar dari Tadika Little Caliphs Kampung Raja dan Tadika Warisan Intelek. Seramai 50 orang pelajar telah menyertai pertandingan ini.

Selain itu, terdapat juga aktiviti Demonstrasi Masakan Puding Jelly 3D yang disampaikan oleh Puan Siti Khadijah binti Ismail. Pada 31 Mac 2022, satu bengkel u-Pustaka juga turut diadakan sempena menyambut Hari u-Pustaka yang ke-11. Peserta bengkel terdiri daripada 35 orang guru dari Pejabat Pendidikan Daerah Besut, Yayasan Pembangunan Keluarga Besut dan juga Pejabat Perpaduan Daerah Besut.

Selain daripada itu aktiviti santai dan Buskers bersama penyanyi Yantzen turut diadakan pada sebelah petang. Lagu yang disampaikan adalah berkonsepkan ketuhanan. Jumlah pengunjung yang terlibat dalam program ini ialah seramai 557 orang.



Majlis Keselamatan Negara

Bermula 1 April 2022, kita akan mula ke Fasa Peralihan Endemik dengan pembukaan sempadan negara, pemansuhan penjarakan fizikal untuk solat jemaah, pemansuhan had waktu operasi premis niaga dan sebagainya. Walaubagaimanapun pelitup muka masih perlu terus dipakai.



FASA PERALIHAN ENDEMIK

Berkuatkuasa | 1 April 2022

1 MASIH BERKUATKUASA



Pemakaian pelitup muka

Perlu dipatuhi di semua tempat awam



Daftar masuk menggunakan MySejahtera

Kecuali kawasan luar seperti taman awam

2 DIMANSUHKAN BERMULA 1 APRIL 2022

- Penjarakan fizikal bagi aktiviti solat Jemaah di masjid/surau atau upacara sembahyang di rumah ibadat selain Islam



SOP akhir masih di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri

- Sekatan ke atas waktu operasi perniagaan



Pemilik premis perniagaan dibenarkan menetapkan waktu operasi mengikut syarat lesen perniagaan mereka

- MyTravelPass untuk bukan warganegara Malaysia masuk ke Malaysia

3 DIBENARKAN BERMULA 1 APRIL 2022

- Merentas negeri untuk semua tanpa mengira status vaksinasi

- Pembukaan sempadan antarabangsa

- Acara atau aktiviti berkapasiti penuh yang melibatkan kumpulan besar



Penjarakan fizikal masih digalakkan

- Operasi tempat kerja dalam kapasiti penuh

- Perjalanan ke Malaysia tanpa kuarantin untuk pelancong yang lengkap vaksinasi

ENDEMIK

Maksud ENDEMIK : Kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau sesuatu tempat. Penyakit ini dijangka sentiasa ada kes dan pada kadar yang stabil serta rendah.



Dini Sharleena Binti Subhi Shah

Melayu | 26 tahun

Fasa Endemik sedikit sebanyak telah membantu rakyat dari segi pergerakan dan ekonomi. Dengan pembukaan sempadan negara dan negeri membolehkan ahli keluarga bersua kembali setelah sekian lama. Dengan pemansuhan had waktu operasi premis niaga dapat manjana ekonomi Negara.



Muhammad Bin Zulshawal

Melayu | 26 tahun

Penggunaan aplikasi MySejahtera sepenuhnya telah memudahkan urusan orang ramai dan dapat mengelakkan daripada masalah beratur untuk memasuki premis niaga terutamanya. Operasi ditempat kerja dengan kapasiti penuh juga akan dapat membantu kepada sistem perkhidmatan. Sektor ekonomi yang melibatkan kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan memberi impak yang positif kepada Negara.



Khadeejah Binti Uthman

Melayu | 26 tahun

Peralihan kepada Fasa Endemik akan membuka peluang kepada masyarakat untuk kembali menjalani kehidupan sosial dalam norma baharu. Selain itu, dapat memperkuatkan ekonomi dan sistem pendidikan negara yang akan kembali seperti sedia kala. Saya sangat menyokong fasa peralihan ini dengan mengamalkan SOP bagi mengelakan penularan virus yang tidak kelihatan ini.



Individu tidak divaksinasi berisiko 50 kali kemungkinan mati akibat jangkitan COVID-19 berbanding individu lengkap vaksinasi serta dos penggalak

KENALI PPAT

Galeri Penulis Terengganu ini terletak di ruangan Anjung Santai tingkat bawah bangunan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu dan ianya telah dibuka secara rasmi pada 4 November 2020.

Galeri Penulis Terengganu ini merupakan lokasi yang terbaik bagi menempatkan buku-buku yang dihasilkan oleh penulis-penulis anak kelahiran Negeri Terengganu. Langkah ini merupakan satu penghargaan kepada penulis dalam mengangkat dan memartabatkan hasil penulisan disamping dapat mengetengahkan penulis-penulis. Usaha ini juga adalah bertepatan dengan objektif penubuhan untuk mewujudkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Seramai hampir 100 penulis anak kelahiran Terengganu telah berjaya dikumpulkan karya-karya mereka.

Hasil karya penulis-penulis terkenal Terengganu seperti Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Dato' Seri Haji Abdul Hadi Haji Awang, Datuk Prof. Dr. Muhaya Mohamad, Tuan Sharif Putera, Indah Hairani, Ghazali Ngah Azia, Hilmi Rindu ditempatkan di Galeri Penulis Terengganu PPAT.





**DUNIAINI
PENUH DENGAN
ORANG-ORANG BAIK.
JIKA KAMU TIDAK MENEMUINYA,
JADILAH SALAH SATUNYA.**

buletin
salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



www.trglib.gov.my

PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2022 Hak Cipta Terpelihara